


GARIS PANDUAN TADIKA

Setiap permohonan melalui Pihak Kebajikan Masyarakat akan dirujuk kepada Majlis. Seterusnya Majlis akan mendapatkan teguran / pandangan dari Jabatan Kesihatan, Bahagian Lalulintas dan Bangunan.

Apabila semua teguran / pandangan tersebut diperolehi permohonan tersebut akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelan-pelan Bangunan dan Perancang Bandar.

Proses permohonan di atas adalah seperti carta berikut:



1) PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIAMBILKIRA SEMASA PERMOHONAN

a) Perletakan Tadika

Taska boleh dijalankan mengikut keperluan masyarakat setempat di:

- a) Rumah Sesebuah
- b) Rumah Berkembar
- c) Rumah Teres (Bahagian Tepi Lot)
- d) Rumah Pangsa (di tingkat bawah sahaja)
- e) Di ruang pejabat (di tingkat bawah sahaja)
- f) Tanah yang direzabkan untuk kegunaan TADIKA

b) Bangunan-bangunan yang tidak sesuai

- a) Rumah teres dan berangkai yang terletak di lot tengah (intermediate lots) dan lot tepi yang tidak mempunyai kawasan lapang.
- b) Rumah kediaman yang terletak di persimpangan atau berhampiran lebuhraya dan jalan-jalan sesak dan sibuk dengan kendaraan / lalulintas.
- c) Keutamaan akan diberikan kepada lokasi yang berhampiran dengan kawasan lapang / permainan awam.

2) LOKASI BANGUNAN

- a) Jalan keluar masuk sekurang-kurangnya 33' (10 meter) dari simpang utama.
- b) Tidak terletak di kawasan sesak di mana lokasi bangunan tidak terletak di sebatang jalan yang sibuk / jalan utama.
- c) Tiada halangan dari jiran berkaitan buni bising dan kesesakan lalulintas. Surat kebenaran dari lot-lot bersebelahan adalah diperlukan
- d) Mendapat kebenaran bertulis dari pemilik rumah.
- e) Taburan Tadika di kawasan Petaling Jaya hendaklah ditentukan oleh Majlis.

3) KESELAMATAN PREMIS

- a) Tadika dijalankan hanya dibenarkan di aras satu bagi rumah kediaman yang bertingkat.
- b) Ada 2 tangga (laluan) bagi masa kecemasan jika premis ditempatkan dalam bangunan bertingkat jika bukan bangunan kediaman biasa
- c) Tangga hendaklah selamat untukkegunaan kanka-kanak.
- d) Tangga kayu (stair case) dan tangga konkrit hendaklah dialas dengan permaidani atau bahan lembut.
- e) Tangga hendaklah dipasang dengan pagar (railings) yang tingginya sesuai dengan ketinggian kanak-kanak.

4) PEREDARAN UDARA DAN CAHAYA SEMULAJADI BERSIH

- a) Ada peredaran udara dan cahaya semulajadi.

5) LUAS RUANG

- a) Mencukupi dengan kiraan 3.5 m.p ng seorang kanak-kanak (tiada termasuk jalan lalu, stor, dapur, pejabat, tandas atau kakitangan)

6) KEGUNAAN RUANG

- a) Kemudahan belajar dan bermain
 - Ruang berasingan hendaklah disediakan untuk kanak-kanak belajar dan bermain.
 - Sediakan ruang untuk perpustakaan
 - Sediakan kawasan permainan yang lengkap dengan alat-alat permainan yang tidak merbahaya (di luar bangunan).
- b) Tempat rehat untuk kanak-kanak sakit
 - Ruang berasingan (sick bay) hendaklah disediakan bagi kanak-kanak yang kurang sihat
 - Sediakan kotak perubatan kecemasan

- c) Ruang dapur dan penyediaan makanan
- Ruang dapur hendaklah mempunyai pintu yang tidak mudah dibuka dan dimasuki oleh kanak-kanak.
 - Alat-alat yang digunakan untuk menyediakan makanan hendaklah bersih.
 - Tempat makan yang disediakan hendaklah bersih.
 - Dapur hendaklah berpisah daripada bilik-bilik darjah atau kawasan yang diasingkan untuk aktiviti-aktiviti kanak-kanak.
 - Tempat stor bahan-bahan makanan mestilah bersih dan selamat.
 - Kanak-kanak mestilah dilarang masuk ke ruang dapur dan stor pada setiap masa.

7) KEPERLUAN TANDAS

Tandas bagi murid-murid lelaki dan perempuan hendaklah berasingan. (Tertakluk kepada keadaan bangunan).

Peralatan dan rekabentuk tandas :

- a) Kemudahan kebersihan, mesti menyediakan ; 'elbow tap'.
- b) Lantai tandas hendaklah sentiasa bersih, tidak licin dan air tidak bertakung.
- c) Sediakan tempat pemegang (railings) – untuk kanak-kanak cacat.
- d) Mangkuk tandas tidak melebihi 6 inci tinggi dari paras lantai.
- e) Besin mencuci tangan hendaklah rendah.
- f) Lain-lain peralatan yang sesuai. (sekiranya ada kanak-kanak cacat).

8) KELULUSAN PERANCANGAN

Borang permohonan boleh didapati di Tingkat 3, Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya.

Borang ini hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan perkara-perkara di bawah ini.

- a) Pelan-pelan cadangan
 - i. 1 salinan pelan tapak
 - ii. 1 salinan pelan bangunan asal

- iii. Salinan hakmilik tanah. 1 salinan yang disahkan oleh Pendaftar Hakmilik di Bangunan SUK, Shah Alam.
- iv. Surat kebenaran dari pemilik rumah
- v. Pelan-pelan tersebut hendaklah lengkap dengan butir-butir seperti berikut:
 - Sekil yang betul. Petunjuk Utara dan tajuk cadangan dalam Bahasa Malaysia.
 - Nombor dan sempadan lot berkenaan dan lot-lot bersebelahan
 - Tandatangan pemilik tanah
 - Pendangan sudut / hadapan (elevation) dan keratin (cross section)
 - Ruang lantai yang akan ditukar kegunaannya hendaklah ditanda berkepong (edged) merah. Jenis kegunaan yang dicadangkan dan luasnya (dalam kaki atau meter persegi_ mesti ditunjuk.
- vi. Dokumen-dokumen
 - a) 1 salinan fotostat geran tanah / perjanjian jual beli
 - b) 1 slinan resit terbaru cukai pintu
 - c) 1 salinan resit terbaru cukai tanah
 - d) Gambar luar, dalam premis dan gambar tapak (saiz 3R)

9) KAE DAH MEMPROSES PERMOHONAN TADIKA

- a) Permohonan untuk menjalankan tadika hendaklah dengan rasminya dikemukakan ke Bahagian Perancang Bandar.
- b) Setelah menerima boring permohonan serta surat pendaftaran daripada Jabatan Pendidikan, Bahagian Perancang Bandar akan merujukkan permohonan tersebut ke Jabatan Kesihatan, Bomba, Polis Daerah Petaling dan Jabatan Kejuruteraan (Jawatankuasa Lalulintas).
- c) Setelah menerima pandangan / teguran dari bahagian di atas permohonan ini akan dikemukakan ke Jawatankuasa Perancang Bandar untuk kelulusan atau sebaliknya berdasarkan pandangan-pandangan Jabatan Kesihatan dan Jawatankuasa Lalulintas.

10) SYARAT-SYARAT UNTUK MEMPERTIMBANGKAN TADIKA

- a) Tadika hanya boleh dijalankan dalam rumah sesebuah. Jika seksyen atau kawasan berkenaan tidak terdapat rumah-rumah sesebuah, tadika boleh dibenarkan untuk dijalankan dalam rumah berkembar. Sebaliknya jika kedua-dua rumah tersebut terdapat di dalam seksyen berkenaan, maka rumah tersebut lot tepi (dengan tanah) boleh digunakan sebagai tadika.
- b) Permohonan-permohonan untuk menjalankan tadika hendaklah terlebih dahulu mematuhi semua kehendak-kehendak Kementerian Pelajaran / Jabatan Pendidikan Negeri Selangor serta membuat permohonan ke Majlis.
- c) Permohonan-permohonan akan diberi pertimbangan sekiranya didapati tidak menyebabkan gangguan lalulintas, kesihatan dan sebagainya.
- d) Permohonan hanya diberi kelulusan secara setahun ke setahun berdasarkan kepada garispanduan Majlis. Kelulusan ini hendaklah diperbaharui setiap tahun.
- e) Walau bagaimanapun, kelulusan tadika tersebut boleh di tarik balik / dipertimbangkan semula jika terdapat aduan dari orang ramai / jiran-jiran.

11) PINDAAN PELAN BANGUNAN

Sekiranya ada pindaan setelah permohonan diluluskan, pemohon dikehendaki mengemukakan pindaan pelan bangunan kepada Jabatan Bangunan.

Pemohon mestilah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum beroperasi dan sekiranya tidak mematuhi kehendak tersebut pemohon boleh dikenakan tindakan salahgunaan bangunan di bawah Sek 70(12) Akta 133.

12) Syarat-Syarat Jabatan Lain

Kelulusan perancangan diberi hanyalah untuk kegunaan sesuatu bangunan sebagai tadika. Pemohon juga mestilah memenuhi segala syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

13) KEMUDAHAN KECEMASAN / KESELAMATAN

- a. Dua pintu yang berasingan (satu di hadapan dan satu di belakang) hendaklah disediakan.
- b. Semua pintu dan tingkap di tingkat atas bangunan tidak boleh dipasang dengan pagar besi (grills).
- c. Tingkat jenis 'louvres' tidak dibenarkan.
- d. Semua punca kuasa (power point) hendaklah dipasang dengan 'plug' kosong yang berkedudukan di paras yang tinggi.

- e. Lampu meja dan berkaki tidak dibenarkan.
- f. Kipas meja, kotak dan berkaki tidak dibenarkan.
- g. Pintu pagar dan 'grills' tingkat bawah hendaklah dari jenis yang tidak tajam dan merbahaya.

14) PAPAN IKLAN

Jika pemohon hendak mempamerkan papan tanda perniagaan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia dengan terang di bahagian atas sekali. (maklumat lanjut boleh didapati di Bahagian Unit Iklan (papan tanda) di tingkat 2, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya. Tel : 03-7956 3544).

CATATAN

JABATAN YANG TERLIBAT

Bil	Jabatan / Agensi Kerajaan	Lokasi	No.Telefon
1	Jabatan Kesihatan	Tingkat 10, Menara MBPJ	7955 2381
2	Jabatan Kejuruteraan	Tingkat 13, Menara MBPJ	7958 4221 7958 4225 7958 4227
3	Jabatan Bangunan	Ibu Pejabat	7956 3544
4	Jabatan Perancang Bandar	Ibu Pejabat	7956 3544
5	Unit Iklan	Ibu Pejabat	7956 3544
6	Jabatan Bomba Daerah Petaling		7958 4444
7	Jabatan Polis Daerah Petaling		7956 2222
8	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor		5559 8843